

**PEJABAT BENDAHARI**

Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115  
Emel: pejabatbendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (11)  
Rujukan Tuan (Your Ref) :

5 Zulhijjah 1435 H  
30 September 2014

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 11/2014**

Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**CADANGAN MENGGUNA PAKAI PEKELILING PERBENDAHARAAN  
PB 3.2/2013 BERKAITAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT  
BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM  
(11 LANGKAH PENJIMATAN)**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan PB 3.2/2013 berkaitan garis panduan perbelanjaan secara berhemat bagi mengawal perbelanjaan awam (11 langkah penjimatan).
- 1.2 Melalui pelaksanaan pekeliling ini terdapat beberapa pindaan terhadap Pekeliling Bendahari Bil.02/2014 antaranya;
  - 1.2.1 **Para 3.1** : Imbuhan tetap keraian
  - 1.2.2 **Para 3.2** : Kemudahan bayaran tol
  - 1.2.3 **Para 3.3** : Kelayakan tiket penerbangan dan perjalanan ke luar Negara serta tambahan langkah penjimatan bagi tempahan tiket penerbangan.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (11)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

CADANGAN MENGGUNA PAKAI PEKELILING PERBENDAHARAAN PB 3.2/2013 BERKAITAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM (11 LANGKAH PENJIMATAN)

## **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mulai 1 Januari 2014, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam sebagai usaha untuk mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2014.

2.2 Namun demikian, kerajaan telah meneliti semula pelaksanaan langkah penjimatan berkenaan dan telah membuat beberapa pindaan antaranya kadar imbuhan tetap keraian, kemudahan bayaran tol dan kelayakan tiket penerbangan dan perjalanan ke luar negara serta tambahan langkah penjimatan bagi tempahan tiket penerbangan.

## **3.0 PINDAAN BAGI LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN**

### **3.1 Imbuhan Tetap Keraian**

3.1.1 Elaun keraian YB Menteri dan YB Timbalan Menteri dikurangkan sebanyak 10 peratus; dan

3.1.2 Pegawai Kanan Kerajaan akan **menerima semula Imbuhan Tetap Keraian pada kadar asal** tanpa sebarang pengurangan mulai **bayaran emolumen bulan Julai 2014**.

### **3.2 Kemudahan Bayaran Tol**

3.2.1 Pegawai Kanan akan **menerima semula nilai maksimum kemudahan bayaran tol sebanyak RM500.00** seperti mana ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 4.1/2013 Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (11)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

CADANGAN MENGGUNA PAKAI PEKELILING PERBENDAHARAAN PB 3.2/2013 BERKAITAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM (11 LANGKAH PENJIMATAN)

### 3.3 Kelayakan Tiket Penerbangan Dan Perjalanan Ke Luar Negara

3.3.1 Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan adalah dipinda seperti berikut:

JENIS PENERBANGAN	GRED	KELAS
Domestik	53 dan ke atas	Perniagaan
	52 dan ke bawah	Ekonomi
Antarabangsa	Utama/Khas A dan ke atas	Satu
	Utama/Khas B dan C	Perniagaan
	Gred 54 dan ke bawah	Ekonomi

### 3.4 Tempahan Tiket Penerbangan

3.4.1 Bagi tempahan tiket penerbangan, pegawai boleh menempah tiket penerbangan menggunakan waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) atau membeli sendiri daripada syarikat penerbangan/agensi pengembaraan seperti mana yang telah ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan WP 2.5/2013 Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi serta pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa.

3.4.2 Tempahan tiket penerbangan menggunakan WPUA hendaklah dibuat seperti berikut:

- a Bagi sektor penerbangan di dalam negeri (domestik), tempahan tiket adalah berdasarkan kepada harga pasaran dan mengikut kelayakan pegawai.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (11)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

CADANGAN MENGGUNA PAKAI PEKELILING PERBENDAHARAAN PB 3.2/2013 BERKAITAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM (11 LANGKAH PENJIMATAN)

- b Bagi sektor penerbangan ke luar negara (antarabangsa), tempahan tiket adalah seperti berikut:
  - i Pegawai Gred Utama/Khas A dan ke atas/Timbangan Ketua Polis Negara dan ke atas berkelayakan tempat duduk Kelas Satu dan Pegawai Gred Utama B dan C/Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis berkelayakan tempat duduk Kelas Perniagaan, tempahan tiket adalah berdasarkan kepada harga pasaran.
  - ii Pegawai Gred 54 dan ke bawah/Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis dan ke bawah:
    - a Bagi perjalanan kurang daripada empat jam, tempahan tiket adalah berdasarkan Kelas Ekonomi mengikut harga pasaran;
    - b Bagi perjalanan melebihi empat jam (dikira dari waktu pelepasan terakhir) ke luar negeri yang menggunakan Sistem Penerbangan Nasional (MAS), dibenarkan mengguna kadar tambang tiket Kelas Ekonomi mengikut harga *International Air Transport Association* (IATA) bagi melayakkan untuk dinaiktaraf kepada Kelas Perniagaan; dan

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (11)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

CADANGAN MENGGUNA PAKAI PEKELILING PERBENDAHARAAN PB 3.2/2013 BERKAITAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM (11 LANGKAH PENJIMATAN)

- c Bagi perjalanan yang melibatkan beberapa penerbangan (*transit*) dalam hari yang sama menggunakan syarikat penerbangan selain daripada MAS, kelayakan adalah berdasarkan Kelas Perniagaan mengikut harga pasaran.
  
- d Tanpa menjejaskan kemudahan di perenggan di atas, bagi perjalanan yang melibatkan kombinasi MAS dengan penerbangan asing, harga IATA hendaklah diguna pakai sekiranya harga pasaran lebih mahal.

#### **4.0 RUJUKAN**

- 4.1 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 berkaitan garis panduan perbelanjaan secara berhemat bagi mengurangkan perbelanjaan awam.
  
- 4.2 Pekeliling Perbendaharaan PB 3.2/2013 berkaitan garis panduan perbelanjaan secara berhemat bagi mengawal perbelanjaan awam (11 langkah penjimatan).

#### **5.0 TARIKH KUATKUASA**

- 5.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta dari tarikh ia dikeluarkan.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.4 (11)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

CADANGAN MENGGUNA PAKAI PEKELILING PERBENDAHARAAN PB 3.2/2013 BERKAITAN PINDAAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM (11 LANGKAH PENJIMATAN)

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

Yang benar,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



2014

- s.k. - **Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin**  
Naib Canselor
- **Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - **Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani bin Mohd. Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)